

20/10/2003

Tudung pelengkap fesyen muslimah

Fadzlena Jafar

BERTUDUNG tidak semestinya menghalang seseorang tampil bergaya kerana fesyen itu sendiri adalah ilham seni yang tiada batas sempadan, sekali gus memberi peluang kepada wanita Islam bergaya tanpa membelakangkan tuntutan agama.

Di Malaysia, kebanyakan wanita bertudung mengenakan fesyen berkonsepkan tudung tiga segi yang menutup bahagian dada. Tetapi ada juga wanita yang mengenakan tudung labuh atau tudung bulat dan tidak kurang juga yang menggunakan lilitan selendang ala Timur Tengah.

Di kebanyakan negara di benua Afrika, wanita Islam mengenakan lilitan serban yang dihiasi aneka hiasan seperti rambu-ramba, bunga dan permata, manakala wanita di Timur Tengah lebih selesa berhijab atau berpurdah.

Berilhamkan kepelbagaian cara menutup aurat itu, satu pertunjukan fesyen muslimah Art To Wear 2003 dianjurkan bagi meraikan isteri ketua negara dan kerajaan ke Sidang Kemuncak Ketua Negara Islam (OIC) ke-10 yang melawat pameran foto `Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan kepada Seorang Negarawan' di Balai Seni Lukis Negara, kelmarin.

Turut mengiringi mereka ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan isteri Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Datin Paduka Suraya Mohamed Noah.

Berkonsepkan `Bentuk dan Ritma dalam Seni Pakaian Islamik', pertunjukan fesyen berkenaan disertai enam pereka fesyen terkenal dan empat pensyarah daripada Jabatan Rekaan Fesyen, Fakulti Seni Halus dan Seni Reka Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.

Bagi merealisasikan konsep yang menjadi pilihan penganjur, pertunjukan fesyen berkenaan dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu rekaan Kontemporari, Tradisional, Eksperimental dan Klasik.

Mengetuai pertunjukan yang julung kali diadakan itu ialah pereka fesyen Radzuan Radziwill dengan rekaan berilhamkan fesyen Arab yang menjadi ikutan seluruh dunia. Sharifah Kirana pula tampil dengan rekaan pakaian Melayu dengan sentuhan kontemporari menggunakan sulaman tradisional Melayu di atas songket.

Seorang lagi pereka fesyen yang sinonim dengan rekaan tradisional Melayu, Salikin Sidek memilih rekaan yang menjurus kepada konsep Songket Sejagat, manakala Noraini Sharif daripada Jarumas menampilkan rekaan berkonsepkan Batik Islamik Kontemporari. Motif batik juga menjadi pilihan Rose Dahlina Rosli yang menghasilkan himpunan bercorak sulaman kontemporari.

Pereka fesyen yang sinonim dengan hasil rekaan pakaian dan tudung Muslimah, Melorwati Darus daripada Melor Apparel menampilkan himpunan menarik yang diperbuat daripada kain sari. Asliza Aris, pereka fesyen meningkat naik menyediakan koleksi dengan rekaan potongan klasik, manakala rakannya Rohana Lisut menghasilkan rangkaian pakaian untuk majlis rasmi yang cukup memikat.

Bagi mereka yang ingin tampil bergaya dengan sentuhan kontemporari, Anas Musavir mempertontonkan himpunan pakaian kasual Muslimah kontemporari yang kreatif.

Masih ingat lagi dengan rekaan unik pemenang anugerah Benang Emas 2002, Adnan Hassan? Kali ini beliau memperkenalkan rekaan Cantuman Denim Muslimah khusus untuk pertunjukan fesyen sempena Delegasi Isteri Ketua Negara dan kerajaan negara OIC.

Bersesuaian dengan konsep Islam yang tidak menggunakan warna terang

dalam pemakaian harian, kebanyakan pereka fesyen yang menyertai pertunjukan berkenaan memilih warna pastel yang tidak terlalu menonjol tetapi melalui gabungan warna yang bersesuaian menjadikan hasil rekaan cukup mempersonakan.

Secara keseluruhan pertunjukan fesyen berkenaan berjaya mencapai objektif dengan menampilkan pakaian Muslimah yang sesuai dengan tuntutan agama tetapi pada masa sama tidak membelakangkan cita rasa fesyen hari ini.